

KUNJUNGAN TIM PENILAI PERTANDINGAN RKAT LLP PERINGKAT TUDM TAHUN 2019 KE PANGKALAN UDARA SUBANG

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5521-kunjungan-tim-penilai-pertandingan-rkat-llp-peringkat-tudm-tahun-2019-ke-pangkalan-udara-subang

SUBANG, 15 Okt 19 – Tim Penilai Pertandingan RKAT LLP Peringkat TUDM 2019 yang diketuai oleh Lt Kol Junairi bin Baharom TUDM telah membuat pemeriksaan ke Pangkalan Udara Subang bagi mengadakan lawatan dan melakukan penilaian di RKAT Blok F7.



Turut mengiring lawatan Pegawai Laksana Pangkalan, Brig Jen Omar bin Haji Dawami TUDM mewakili Komander Pangkalan serta Ketua Cawang Tadbir, Lt Kol Amrul bin Yacob TUDM. Sebelum lawatan dijalankan, satu sesi taklimat RKAT daripada pihak pangkalan dan Penghulu Blok telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pangkalan.



Pada tahun ini, RKAT Blok F7 yg diketuai oleh PW (U) II Syed Firman Salimy bin Syed Affendy sebagai Penghulu Blok telah terpilih untuk mewakili Pangkalan bagi pertandingan RKAT LLP Peringkat TUDM.



Persiapan bagi pertandingan ini telah bermula pada bulan Mac 19 sehingga Okt 19 bagi memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Markas Pemerintahan Operasi Udara (MPOU).



Antara aspek yang dinilai ialah kebersihan, keceriaan dan keindahan, Kepimpinan dan aktiviti serta aspek Kerohanian dan Sivik. Antara inisiatif dan pelaksanaan projek oleh penghuni Blok F7 adalah projek Pintu Gerbang, Mercu Tanda, Kincir Angin, Taman Mini, Gazebo, Mural Moto Blok, projek Bumi Hijau, BBQ Corner, Mini Library, Bilik Rekreasi dan beberapa lagi projek yg dilaksanakan. Sikap kerjasama dan komitmen yang tinggi dari penghuni merupakan kunci kepada kejayaan bagi melaksanakan projek-projek tersebut.



